

362 pengakap terima bintang, pingat PPM

WARTAWAN SINAR HARIAN
30 JANUARI 2018



Keberangkatan tiba Sultan Nazrin.

A- A+ (Ubah saiz teks)

SERAMAI 362 ahli pengakap menerima anugerah bintang dan pingat Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) dalam majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Perak, yang berlangsung di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan, Sabtu lalu.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyampaikan anugerah berkenaan.

Daripada jumlah itu, seramai 311 ahli pengakap bagi tahun 2014 hingga 2016, termasuk tujuh penerima tahun 1998 dari Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), dianugerahkan Sijil Pengakap Raja.

Sultan Nazrin turut berkenan menyampaikan pingat kepada 49 penerima meliputi Pingat Perkhidmatan Gemilang (PPG); Pingat Perkhidmatan Cemerlang; Bintang Dato' Seri Maharaja Lela (Perak); Pingat Dato' Sagor (PDS) – Emas; Pingat Jasa Pengakap (PJP); Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) dan Pingat Perkhidmatan Baik (PBB).

Turut hadir dalam majlis penyampaian berkenaan, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Ketua Pengakap Negara, Tan Sri Dr Mohd Shafie Mohd Salleh dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak, Ahmad Azam Shah Abd Majid.